



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUTERA
2010
*MEKANIKAL***

KOD : PTM02
SUBJEK : PENGURUSAN WOKSYOP
TARIKH : 23 OGOS 2010
MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PTM02 – PENGURUSAN WOKSYOP

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan

SOALAN 1

- a) Sistem klac merupakan satu sistem yang penting bagi sesebuah kenderaan. Keberkesanan sistem ini dapat memastikan perjalanan yang lancar bagi sesebuah kenderaan. Jelaskan bagaimana fungsi sistem klac bekerja dalam sesebuah kenderaan.

(4 markah)

- b) Sistem klac terbahagi kepada dua jenis. Nyata dan huraikan **kedua-dua** jenis sistem klac tersebut.

(8 markah)

- c) Sistem klac sesebuah kenderaan memerlukan penjagaan yang baik. Nyatakan **empat (4)** garis panduan penjagaan sistem klac yang baik.

(8 markah)

SOALAN 2

- a) Terangkan secara ringkas fungsi minyak pelincir.

(4 markah)

- b) Minyak pelincir terbahagi kepada dua jenis. Terangkan secara ringkas **kedua-dua** jenis pelincir tersebut dan berikan contoh **setiap satunya**.

(8 markah)

SOALAN 2 (sambungan)

- c) Berikan **empat (4)** sifat utama minyak pelincir.

(4 markah)

- d) Dua aspek kelikatan minyak pelincir adalah **kejasadan** dan **kebendaliran**. Berikan definisi untuk kedua-dua aspek tersebut.

(4 markah)

SOALAN 3

- a) Berikan **empat (4)** susun atur bengkel yang baik di dalam woksyp.

(6 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** langkah keselamatan yang perlu diambil ketika menjulang kenderaan dengan menggunakan alat penjulang.

(8 markah)

- c) Berikan **empat (4)** langkah keselamatan yang perlu diambil ketika mencanai benda kerja kecil.

(6 markah)

SOALAN 4

- a) Berikan definisi aset alih.

(2 markah)

- b) Aset alih terbahagi kepada **dua (2)** jenis. Terangkan apakah jenis-jenis aset alih tersebut.

(6 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- c) Jelaskan **empat (4)** tugas dan tanggungjawab Unit Pengurusan Aset di sesebuah Kementerian atau Jabatan Kerajaan.

(12 markah)

SOALAN 5

- a) Anda dilantik menjadi Pegawai Penyelia Kenderaan di jabatan anda. Sebagai Penyelia anda perlu memahami tatacara penggunaan buku log. Nyatakan **lima (5)** perkara penting yang perlu direkodkan di dalam buku log tersebut.

(10 markah)

- b) Sebagai Pegawai Penyelia Kenderaan, anda perlu memastikan kenderaan jabatan diurus dengan baik. Jelaskan **lima (5)** tugas Pegawai Penyelia Kenderaan mengikut tatacara penggunaan kenderaan kerajaan.

(10 markah)

SOALAN 6

- a) Tujuan sistem brek digunakan ialah untuk memperlahan atau memberhentikan kenderaan. Nyatakan **dua (2)** jenis sistem brek.

(2 markah)

- b) Apakah tujuan cecair brek digunakan? Jelaskan fungsi dan sifat cecair brek tersebut dan berikan contoh-contoh jenis cecair brek yang boleh didapati di pasaran.

(6 markah)

- c) Bateri kereta adalah sebuah peranti elektrokimia yang menyimpan dan menyediakan tenaga elektrik untuk kenderaan. Nyatakan **dua (2)** jenis bateri kereta yang boleh didapati di pasaran.

(2 markah)

SOALAN 6 (sambungan)

- d) Jelaskan langkah-langkah yang betul untuk penggantian bateri kenderaan.

(10 markah)

SOALAN 7

- a) Jelaskan bagaimana enjin diesel berfungsi.

(4 markah)

- b) Berikan **empat (4)** perbandingan di antara enjin diesel dan enjin petrol.

(4 markah)

- c) Berikan **empat (4)** kelebihan dan **empat (4)** kekurangan enjin diesel.

(12 markah)

SOALAN 8

- a) Berikan **empat (4)** tujuan kawalan stok diadakan di dalam pengurusan stor.

(4 markah)

- b) Terangkan **empat (4)** kaedah untuk peng storan bahan-bahan berikut:

- i) Bahan kimia
- ii) Gas mampat di dalam tabung

(16 markah)

SOALAN 9


- a) Apakah yang dimaksudkan dengan enjin empat lejang?

(4 markah)

- b) Enjin empat lejang juga dikenali sebagai enjin kitar otto. Jelaskan setiap kitaran enjin empat lejang tersebut.

(10 markah)

- c) **Gambar rajah S9(c)** menunjukkan proses kitar empat lejang. Labelkan proses yang berlaku pada gambar rajah (i) hingga (vi) di bawah ini.



Gambar rajah S9(c)

(6 markah)

SOALAN 10

- a) Nyatakan **empat (4)** jenis penilaian kenderaan kerajaan.

(4 markah)

- b) Jabatan anda membuat pembelian kenderaan baru. Nyatakan apakah keperluan dokumen dan identiti untuk kenderaan tersebut supaya boleh dinilai dan digunakan oleh jabatan anda.

(6 markah)

- c) Anda telah mengarahkan Kontraktor ABC menjalankan kerja-kerja pembaikan kenderaan di jabatan anda dengan menggunakan pesanan kerja inden kepada kontraktor tersebut. Setelah kerja siap, kontraktor tersebut kembali bersama inden dan invois syarikat beliau. Terangkan prosedur yang anda perlu ikuti untuk membuat pengesahan kerja siap oleh kontraktor tersebut.

(10 markah)
